



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

A. JAWATAN LANTIKAN

1. SKIM PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI TADBIR
GRED	:	N41
TARAF JAWATAN	:	Tetap / Kontrak
JUMLAH KEKOSONGAN	:	Dua (2)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	Pentadbiran dan Sokongan
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	Pengurusan Dan Profesional
JADUAL GAJI	:	
MINIMUM – MAKSIMUM (JGMM)	:	RM2,080.00 – RM9,546.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM225.00

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c)
 - i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
 - ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a)
 - i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

B. TEMPOH PERCUBAAN (BAGI JAWATAN TETAP)

Pegawai lantikan tetap adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

C. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

D. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN (BAGI JAWATAN TETAP)

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

E. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN (BAGI JAWATAN TETAP)

Pegawai lantikan tetap adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- a) memenuhi tempoh percubaan;
- b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

F. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

G. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

H. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :

- i) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Jawatan Kosong Majlis Bandaraya Pasir Gudang** yang dimuat turun secara percuma melalui laman web www.mbpq.gov.my. Semua permohonan hendaklah disertakan :-
- a) Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir
 - b) Salinan Sijil-Sijil Akademik
 - c) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - d) Salinan Lesen Memandu
 - e) Gambar Warna Berukuran Passport
 - f) Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/ Diploma/Ijazah); dan
 - g) Surat/dokumen-dokumen berkaitan jika ada, serta di alamatkan kepada;

**DATUK BANDAR PASIR GUDANG
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
ARAS 19, MENARA AQABAH
JALAN BANDAR, 81700 PASIR GUDANG
(U.P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 JULAI 2021

- ii) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 di bawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) yang perlu dibawa semasa temuduga.
- iii) Hanya calon yang layak untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

- iv) Calon hendaklah menduduki ujian psikologi yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi saringan Psikologi.

I. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK

- i) Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak ditandatangani.
- ii) Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
- iii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
- iv) Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
- v) Pemohon tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.
- vi) Tidak menyertakan gambar passport berwarna.


DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN

Datuk Bandar Pasir Gudang
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Tarikh: 27/6/2021.

Rujukan Fail : MBPG:JKP/SM/2/21

riny/2019/jawatankosong/iklanjwtkp41apr